

# Minit Najib kepada Zahid bukan arahan

**Shah Alam:** Mahkamah Tinggi semalam diberitahu bahawa minit bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kepada Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi supaya kontrak syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB) diteruskan sebagai pengendali tunggal sistem Visa Luar Negara (VLN) ke Malaysia di China, bukan satu arahan.

Pengarah UKSB, Datuk Fadzil Ahmad berkata, walaupun Minit Najib adalah perdana menteri dan ketua Kabinet ketika itu, kuasa meluluskan kontrak VLN adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

“Bagi saya, punca dan bidang kuasa (meneruskan kontrak) semua permohonan saya bermula di KDN sahaja, ia tidak bermula di pejabat PM (perdana menteri). Jadi pada saya, PM cuma boleh bantu untuk percepat bukan beri arahan,” katanya semasa pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Zander Lim Wai Keong pada perbicaraan kes Ahmad Zahid yang menghadapi 40 pertuduhan rasuah.

Ditanya Zander Lim, siapa yang akan meluluskan lanjutan kontrak, Fadzil menjawab: “Keputusan akhir, Menteri Dalam Negeri (Ahmad Zahid).”

Sebelum ini, dua saksi pendakwa iaitu bekas Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan) KDN, Datuk Suriani Ahmad dan bekas Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Hal Ehwal Imigresen KDN, Azman Azra Abdul Rahman @ Md Salleh memberitahu

mahkamah bahawa Najib telah meminta Ahmad Zahid meneruskan kontrak UKSB sebagai pengendali tunggal sistem VLN ke Malaysia di China.

Minit Najib kepada Ahmad Zahid itu tertera pada tiga surat dihantar UKSB kepada bekas perdana menteri itu antara 23 Mei 2013 dan 27 Oktober 2015, bagi mendapatkan sokongan selepas terdapat saingan daripada syarikat lain yang berminat mengendalikannya.

Sementara itu, semasa pemeriksaan balas oleh peguam Hamidi Mohd Noh, saksi pendakwa ke-14 itu bersetuju bahawa pelanjutan kontrak lebih awal adalah sesuatu yang blasa.

Saksi itu juga bersetuju dengan cadangan peguam bahawa berdasarkan Klausa 2.2.1 perjanjian untuk membekalkan sistem bersepadu VLN yang dimeterai sebelum ini, syarikat boleh memohon pelanjutan kontrak tidak kurang enam bulan sebelum tarikh tamat perjanjian.

Fadzil turut bersetuju dengan peguam itu bahawa tidak menjadi kesalahan jika permohonan pelanjutan itu dibuat dua atau tiga tahun lebih awal sebelum ia luput.

Sebelum ini, saksi pendakwa keenam, Tan Sri Alwi Ibrahim iaitu bekas Ketua Setiausaha KDN ada memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak berpuas hati dengan keputusan Ahmad Zahid yang melanjutkan kontrak UKSB bagi pelaksanaan sistem VLN terlalu awal sedangkan tempoh tamat masih panjang. **BERNAMA**